

7. Sejurus perlantikan Tuan Birch sebagai Residen British di negeri Perak, beliau tidak sehaluan pendapat dengan Datuk Maharajalela. Dari waktu itu, beta tidak lagi menerima khabar atau perutusan dari pihak Datuk Maharajalela. Beta tidak pernah menghantar Along Nor atau Wan Hussain untuk memaklumkan Datuk Maharajalela yang beta akan membantu beliau dengan bekalan alat-alat senjata.
8. Beta tidak pernah menghantar beras kepada Datuk Maharajalela, dan beta juga tidak tahu yang beliau sedang bersiap-sedia untuk menyerang rumah Residen British.
9. Beta tidak pernah memindahkan alat-alat senjata dan peluru dari Batak Rabbit ke Durian Sebatang untuk tujuan membantu Datuk Maharajalela menentang pegawai British dan menyerang rumah Residen British. Beta menerima berita daripada Kepten Welner, yang bertugas di Bandar Bahru, mengatakan Tuan Birch dibunuh. Berita ini beta terima pada malam hari pembunuhan Tuan Birch berlaku, dan pada waktu itu, beta berada di Batak Rabbit. Pada keesokan hari jam 3 petang, beta bersama 30 orang pengikut beta berlepas dari Batak Rabbit dan bermalam di Durian Sebatang, di mana beta meninggalkan ahli keluarga beta di situ. Beta dan orang-orang beta tiba di Bandar Bahru pada malam esoknya dan bermalam di situ. Selepas berada di Bandar Bahru selama sehari, beta berangkat kembali ke Durian Sebatang. Beberapa hari selepas itu, lima pucuk senapang yang diberi kepada pihak beta oleh Tuan Birch sendiri dihantar ke Batak Rabbit. Lima pucuk senapang ini digunakan oleh pengawal-pengawal beta.
10. Sewaktu beta berada di Pulau (?)Dua pada bulan Mac 1876, beta mendapat berita yang Datuk Sagor sedang bersembunyi di daerah yang berhampiran. Beta telah memerintahkan Datuk Shahbandar untuk menangkap beliau. Datuk Sagor berjaya ditangkap dan dibawa ke Bandar Bahru oleh Datuk Shahbandar. Beta tidak pernah menasihati Datuk Sagor untuk bersembunyi di hutan, dan beta juga tidak pernah memberi perlindungan kepada beliau.
11. Tuan Yang Terutama tentu boleh faham dari butir-butir yang beta berikan di atas bahawa beta telah memberi lebih maklumat dari apa yang perlu untuk membuktikan yang beta tidak bersalah dalam hal pembunuhan Tuan Birch. Beta berharap butir-butir ini dibawa ke hadapan Suruhanjaya Penyiasatan Negeri Perak untuk menunjukkan yang tuduhan yang di buat ke atas beta adalah tidak benar sama sekali. Beta ingin mengatakan yang pihak kerajaan beta telah menjalankan tugas dan memberi kerjasama yang baik mengikut fasal-fasal yang termaktub dalam Perjanjian Pangkor sejak Tuan Birch dilantik sebagai Residen British di negeri Perak. Oleh kerana itu, tidak mungkin beta akan memberi arahan, atau bersubahat, untuk membunuh Tuan Birch.

(Tandatangan) Sultan Abdullah, Perak

J. Douglas, CMG
Setiausaha Jajahan
Negeri-Negeri Selat